

07 SEP 2003

Mahathir-Lawatan

DR MAHATHIR MELAWAT PUSAT PAKAR PERUBATAN JITRA

JITRA, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali hari ini meluangkan masa melawat Pusat Pakar Perubatan Jitra di Bandar Darulaman dekat sini.

Perdana Menteri yang dalam rangka kerja sehari ke negeri ini, mengambil kesempatan melawat hospital swasta milik Bumiputera itu sejurus selepas tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas pagi ini.

Dr Mahathir dibawa melawat ke bangunan tiga tingkat hospital itu dengan diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Zuraidi Rahim dan taklimat diberikan oleh Pakar Perunding Dr Che Rozmey Che Din.

Pusat rawatan itu yang memulakan operasi 4 Jan lalu, dibuka setiap hari dari pukul 9 pagi hingga 12 tengah malam manakala wad bersalinnya dibuka 24 jam.

Ia dikendalikan oleh 43 orang kakitangan termasuk tujuh orang pakar perubatan.

Hospital itu merupakan pusat pakar dan bersalin yang dilengkapi dengan kemudahan yang secukupnya untuk mengendalikan sebarang masalah perbidanan dan sakit puan termasuk kes-kes kecemasan.

Pusat itu juga memberikan perkhidmatan klinik pakar perunding dalam bidang perubatan am, pediatrik dan pembedahan.

Perdana Menteri turut menyumbang hadiah berupa hamper kepada 12 pesakit yang berada di wad hospital itu.

-- BERNAMA

MNH MAN RON